



“GEJALA RASUAH MEMUSNAH NEGARA”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ
الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ
الْمُشْرِكُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketaqwaan kepada Allah SWT dengan penuh ketaatan, keyakinan dan keikhlasan. Iaitu dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertaqwa seterusnya selamat dan berjaya di dunia serta di akhirat. Bertaqwalah kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa. Dan janganlah kita mati melainkan dalam keadaan Islam.

Marilah sama-sama kita menghayati khutbah yang bertajuk: **“GEJALA RASUAH MEMUSNAH NEGARA”**.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 188:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ وَتُدْلُوا بِهَا إِلَى
الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Dewasa ini umat Islam sangat terdedah dengan gejala rasuah yang mana hal ini telah berlaku sejak zaman Nabi sehingga hari ini yang semakin meruncing di kalangan masyarakat Islam sendiri. Fenomena ini dianggap sebagai penyakit kronik sosial yang boleh dikatakan seperti penyakit barah dalam dunia perubatan yang mana ianya sukar untuk diubati dan akhirnya akan memberi kesan buruk kepada individu, masyarakat dan struktur pentadbiran sesebuah negara sekiranya tiada langkah-langkah pencegahan dilakukan dari awal lagi. Fenomena ini hendaklah diambil perhatian yang serius oleh semua pihak untuk membendunginya daripada terus menular.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Rasuah ialah suatu pemberian berupa sogokan yang diberikan kepada seseorang dengan sebab tertentu bagi membolehkan perkara yang dihajati dapat diperolehi atau diselesaikan dan sebagainya. Rasuah juga dikatakan sebagai suatu 'sogokan' atau 'makan suap' atau 'tumbuk rusuk' dan ia merupakan perbuatan yang keji dan dilarang disisi agama Islam.

Merebaknya rasuah dalam kehidupan masyarakat Islam pada hari ini bukanlah suatu perkara baru, tetapi ianya sudah mewarnai sejak masyarakat generasi dahulu. Namun keadaan rasuah yang sudah diketahui sejak dahulu lagi, sifatnya adalah terhad dan perkembangannya tidaklah seteruk pada hari ini yang dirasakan sudah menjadi gejala yang umum yang dilihat seolah-olah tidak dipandang serius bahkan berlalu dengan begitu rancak.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Rasuah dari perspektif Islam adalah suatu perbuatan yang haram dan berdosa besar serta dilaknat baik kepada pemberi atau penerima itu sendiri.

Sabda Rasulullah s.a.w:

لَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّاشِيَّ
وَالْمُرْتَشِيَّ.

*"Rasulullah s.a.w melaknat orang yang memberi rasuah dan penerima rasuah".
(Riwayat Ibnu Hibban)*

Rasuah juga merupakan salah satu perbuatan yang boleh mengakibatkan tertolaknya ibadah dan doa kita. Alangkah ruginya disebabkan perbuatan rasuah itu ibadah dan doa kita menjadi sia-sia, dan lebih membimbangkan lagi jika tidak segera membanteras gejala ini, ia boleh menyebabkan terdedah dengan pelbagai malapetaka dan bencana dalam kehidupan sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Ali Imran ayat 112:

ضُرِبَتْ عَلَيْهِمُ الذَّلِيلَةُ أَيْنَ مَا تُقِفُوا إِلَّا بِحَبْلٍ مِّنَ اللَّهِ
وَحَبْلٍ مِّنَ النَّاسِ وَبَاءُوا بِغَضَبٍ مِّنَ اللَّهِ وَضُرِبَتْ
عَلَيْهِمُ الْمَسْكَنَةُ ذَٰلِكَ بِأَنَّهُمْ كَانُوا يَكْفُرُونَ



بَعَايَتِ اللَّهِ وَيَقْتُلُونَ الْأَنْبِيَاءَ بِغَيْرِ حَقِّ ذَٰلِكَ بِمَا
عَصَوْا وَكَانُوا يَعْتَدُونَ ﴿١١٣﴾

"Mereka ditimpa kehinaan (dari segala jurusan) di mana sahaja mereka berada, kecuali dengan adanya sebab dari Allah dan adanya sebab dari manusia. Dan sudah sepatutnya mereka beroleh kemurkaan dari Allah, dan mereka ditimpakan kemiskinan (dari segala jurusan). Yang demikian itu, disebabkan mereka sentiasa kufur ingkar akan ayat-ayat Allah (perintah-perintah-Nya) dan mereka membunuh Nabi-nabi dengan tiada alasan yang benar. Semuanya itu disebabkan mereka derhaka dan mereka sentiasa mencerobohi (hukum-hukum Allah)".

Pengertian rasuah sebenarnya amat luas, seperti mana yang diketahui ia bukan hanya tertumpu kepada sudut kewangan semata-mata, tetapi ia juga termasuk penyalahgunaan jawatan dan kuasa diamanahkan untuk kepentingan diri, keluarga dan pihak tertentu.

Sebagai contoh, jika sekiranya seseorang itu memiliki kuasa untuk membuat pilihan dan meluluskan tender-tender, maka ia akan meluluskan mana-mana pihak yang memberikannya sogokan dan suapan tanpa menghiraukan pihak lain yang lebih layak dipilih. Begitu juga jika diamanahkan untuk mengambil pekerja, ia akan mengenyepikan orang yang lebih layak menjawat jawatan dalam pekerjaan itu malahan akan mementingkan kroni-kroninya atau pihak yang menjanjikannya sesuatu imbuhan kepadanya.



Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Antara faktor-faktor utama penularan gejala rasuah yang perlu diketengahkan supaya dipandang serius oleh semua pihak adalah;

- Pertama : Faktor politik sesebuah negara yang mana dilihat ramai pihak-pihak tertentu berlumba-lumba mencari kekayaan melalui politik, di mana penglibatan mereka di dalam politik bukan bertujuan untuk membela nasib rakyat, akan tetapi sebaliknya mengambil kesempatan dari kuasa dan kedudukan yang diamanahkan untuk mengaut keuntungan dan kekayaan tanpa mengira batas-batas hukum dan undang-undang.
- Kedua : Faktor sosial sesebuah negara yang mana lemahnya ilmu pengetahuan dan agama menyebabkan iman menjadi lemah serta pegangan terhadap nilai-nilai murni terlalu culas dan longgar. Malah ada sebahagiannya yang menganggap kepentingan untuk hidup mewah menjadi keutamaan tanpa menghiraukan soal halal dan haram.
- Ketiga : Pengaruh budaya hidup bermewah-mewah dan kebendaan yang keterlaluan. Seheinggakan masyarakat mengabaikan soal halal dan haram dalam memperoleh sumber rezeki.

Dari faktor-faktor rasuah yang diutarakan, jelas membuka ruang kepada individu yang terlibat dengan gejala rasuah, memberikan kesan buruk kepada sesebuah negara yang mampu meruntuhkan moral



masyarakat dalam negara, menyekat pembangunan, menjatuhkan ekonomi, menyebabkan kekayaan negara dibolot dan dimonopoli oleh pihak-pihak tertentu dan menggugat keadilan di dalam sesebuah negara, sekaligus menafikan sistem demokrasi yang menjamin hak yang sewajarnya.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah,

Mengakhiri khutbah ini, marilah sama-sama kita mengambil langkah-langkah pencegahan untuk membendung gejala ini iaitu:

1. Memantapkan Iman dan menguatkan sahsiah diri kerana dengan keimanan dan keperibadian yang tinggi mampu menjadi benteng yang paling ampuh dan kuat untuk membanteras gejala rasuah. Apabila setiap individu menolak dan membenci amalan rasuah sama ada rakyat biasa, pemimpin, atau jentera kerajaan maka gejala ini dapat diatasi.
2. Memuatkan topik berkenaan rasuah dalam sistem pendidikan, gejala rasuah ini akan dapat dihayati dalam diri sekiranya diajar dan dididik sejak zaman persekolahan lagi. Generasi yang dididik benci kepada rasuah akan membesar menjadi individu yang lebih bertanggungjawab dan amanah justeru membentuk generasi akan datang yang bebas rasuah.
3. Meningkatkan Penguatkuasaan Undang-Undang dan memberatkan Hukuman, ia perlu dipergiatkan lagi agar masyarakat sedar betapa bahaya dan serius masalah rasuah jika tidak dibenteras dan dibendung untuk menyelamatkan negara.



4. Meningkatkan penerangan berkenaan rasuah baik dari sudut penerbitan atau penyiaran untuk menyebarkan maklumat kepada masyarakat tentang kesan dan bahayanya gejala ini jika ia semakin menular dan tidak dicegah dengan segera.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَا تَرْكَبُوا إِلَى الَّذِينَ ظَلَمُوا فْتَمَسَّكُمُ النَّارُ وَمَا
لَكُمْ مِنْ دُونِ اللَّهِ مِنْ أَوْلِيَاءَ ثُمَّ لَا تُنصَرُونَ



"Dan janganlah kamu cenderung kepada orang-orang yang berlaku zalim, maka (kalau kamu berlaku demikian), api neraka akan membakar kamu, sedang kamu tidak ada sebarang penolong pun yang lain daripada Allah. Kemudian (dengan sebab kecenderungan kamu itu) kamu tidak akan mendapat pertolongan".

(Hud : 113)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ



الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ،
وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ
وَحْدَهُ، لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ
فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ
وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اَللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلٰى سَيِّدِ الْمُرْسَلِيْنَ
وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنْ اَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَاَزْوَاجِهِ
وَذُرِّيَّاتِهِ اَجْمَعِيْنَ. اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ
وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ، اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبٌ
الدَّعْوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا
نَسْأَلُكَ اَنْ تَحْفَظَ بَعِيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاطُوْر، سُلْطَانَ شَرْفِ
الدِّيْنِ اَدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ
صَلَاحِ الدِّيْنِ عَبْدِ الْعَزِيْزِ شَاهِ الْحَاجِ. اَللّٰهُمَّ اِنَّا
نَسْأَلُكَ الْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيْقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ
لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُوْر، تَعْكُوْ اَمِيْرِ شَاهِ ابْنِ



السُّلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه الحاج يَا
ذَالْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطِّلْ عُمْرَهُمَا
مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوْظَفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ
مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيْقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu dan ibadah zakat sebagaimana yang telah Engkau wajibkan. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan tuntutan berzakat, menyayangi fakir dan miskin. Sucikanlah harta dan jiwa mereka,



lindungilah golongan fuqara' dan masakin daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Demikian jua Ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.